



KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

AMARAN KEPADA ORANG AWAM MENGENAI PENGAMBILAN PRODUK TIDAK BERDAFTAR - ZA'FARAN

1. Pusat Pemonitoran Kesan Advers Ubat Kebangsaan, Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) ingin mengingatkan dan menasihatkan orang awam agar tidak membeli atau menggunakan produk tidak berdaftar yang dijual sebagai ubat tradisional dengan nama **ZA'FARAN** (gambar produk disertakan dalam LAMPIRAN A).

PERIHAL PRODUK DAN KESAN ADVERS YANG DILAPORKAN

2. Sampel produk ini telah diperolehi melalui laporan kesan advers yang diterima oleh Pusat Pemonitoran Kesan Advers Ubat Kebangsaan, NPRA. Hasil ujian yang telah dilakukan oleh NPRA mendapati bahawa produk ini mengandungi **dexamethasone** (sejenis kortikosteroid) dan **chlorpheniramine** (sejenis antihistamin) yang dikawal di bawah Akta Racun 1952.

3. Semakan pangkalan data NPRA mengesahkan bahawa produk ini adalah **tidak berdaftar** dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). Kesan advers yang dilaporkan kepada NPRA berkenaan produk ini termasuklah **ketidakseimbangan elektrolit** yang boleh menyebabkan masalah lain seperti degupan jantung tidak teratur dan kelemahan otot.

PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

4. **Dexamethasone** adalah sejenis kortikosteroid yang poten dan ia digunakan untuk rawatan masalah pembengkakan dan radang yang serius. Penggunaan **dexamethasone** secara berpanjangan tanpa pengawasan ahli profesional kesihatan boleh mengakibatkan kesan sampingan serius yang boleh membahayakan kesihatan seperti kelemahan otot, kerapuhan tulang, peningkatan gula dalam darah, tekanan darah tinggi, katarak,

peningkatan risiko jangkitan dan sindrom *cushing*. Pesakit yang menghidap kencing manis adalah berisiko tinggi kerana ia boleh menyebabkan paras gula dalam darah tidak terkawal dan seterusnya boleh mengakibatkan komplikasi yang serius.

5. ***Chlorpheniramine*** adalah sejenis antihistamin yang digunakan untuk melegakan selesema serta reaksi alahan seperti ruam. Kesan sampingan *chlorpheniramine* termasuk mengantuk, penglihatan kabur, muntah-muntah, sembelit dan kelemahan koordinasi anggota badan.

PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR PRODUK INI

6. Sesiapa yang mempunyai stok produk ini dinasihatkan untuk menghentikan penjualan, pengedaran atau penggunaannya dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan bahawa pemilikan untuk jualan produk ini adalah melanggar Akta Jualan Dadah 1952 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM

7. Orang awam yang sedang menggunakan produk ini adalah disarankan supaya **SEGERA** mendapatkan nasihat serta rawatan dari ahli profesional kesihatan. Pengguna yang telah mengambil produk ini untuk jangkamasa yang lama dinasihatkan supaya **tidak memberhentikan penggunaannya secara mendadak** kerana ini boleh menyebabkan masalah seperti kekeliruan dan penurunan tekanan darah yang boleh membahayakan kesihatan (akibat *withdrawal syndrome*).

8. Orang awam digesa supaya tidak membeli atau menggunakan produk tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kerana tidak dijamin kualiti

dan keselamatannya. Orang awam juga diminta supaya lebih berhati-hati dan tidak mudah tertipu dengan ubat-ubatan tradisional yang dijual dengan tuntutan boleh menyembuhkan pelbagai penyakit terutamanya produk tradisional yang memberi kesan dengan cepat.

9. Orang awam yang mempunyai maklumat mengenai produk tidak berdaftar ini dinasihatkan untuk menyalurkan maklumat tersebut kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia melalui laman sesawang www.pharmacy.gov.my ATAU mana-mana Cawangan Penguatkuasa Farmasi yang berdekatan ATAU melaui talian 03-78413200 agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras pengedaran produk ini di pasaran.

10. Orang awam juga boleh menyemak status pendaftaran sesuatu produk melalui laman sesawang <http://npra.moh.gov.my/> ATAU dengan menghubungi NPRA di talian 03-78835400.

**Datuk Dr Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
7 November 2016**

LAMPIRAN A

PRODUK TIDAK BERDAFTAR:

ZA'FARAN

	
	
	
Diskripsi produk	
Produk tradisional dalam bentuk serbuk berwarna perang	